



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

AMALAN PENERAPAN NILAI AKHLAK DALAM PENGAJARAN SIRAH DAN TAMADUN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH

JULIANA BINTI OMAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
لِوِطَرِوِيْ قَدِيْدِيْنِ سُلْطٰنِ اِيْدْرِيسِ
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada¹⁷.....(hari bulan).....⁰⁹..... (bulan) 20²⁰.....

i. Perakuan pelajar :

Saya, JULIANA BINTI OMAR (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk AMALAN PENERAPAN NILAI AKHLAK DALAM PENGAJARAN SIRAH DAN TAMADUN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya



Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR. NORHISHAM MUHAMAD (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN PENERAPAN NILAI AKHLAK DALAM PENGAJARAN SIRAH DAN TAMADUN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN (PENDIDIKAN ISLAM) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

17-09-2020

Tarikh

Tandatangan Penyelia
DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: AMALAN PENERAPAN NILAI AKHLAK DALAM
PENGAJARAN SIRAH DAN TAMADUN ISLAM DI SEKOLAH
MENENGAH.

No. Matrik / Matric's No.: M20181001063

Saya / I: JULIANA BINTI OMAR

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

[Signature]
(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 17-09-2020

[Signature]
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
DR. NORHISHAM BIN MUHAMAD
Pensyarah Kanan
Jabatan Pengajian Islam
Fakulti Sains Kemanusiaan
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Seluas kelemahan di sahara kedhaifan, selangit kekurangan memayungi diri. Namun, segunung kesyukuran dirafakkan ke hadrat *Ilahi rabbi* kerana dengan izin-Nya jua maka disertasi ini dapat disempurnakan. Pelbagai pengalaman sepanjang kembara ilmu ini yang mampu menginsafkan diri betapa luasnya lautan ilmu milik Allah S.W.T dan betapa kerdilnya diri sebagai pengembara ilmu.

Sekalung penghargaan buat penyelia yang dihormati, Dr. Norhisham Muhamad, yang banyak memberikan tunjuk ajar, bimbingan, nasihat, kritikan dan komen membina serta curahan ilmu yang diberikan sepanjang perjalanan menyiapkan disertasi ini. Walaupun dihipit dengan pelbagai tugas dan komitmen namun masih memberikan masa dan ruang untuk berbincang dan memberikan tunjuk ajar yang amat berguna. Hanya Allah swt sahaja yang dapat membalasnya. Ribuan terima kasih juga untuk pemeriksa, Prof. Dr Mohd Aderi Che Noh, Dr. Mohamad Marzuqi Abdul Rahim serta Prof. Madya Dr. Azmil Hashim di atas teguran yang membina dan titipan hikmah yang memberikan inspirasi kepada saya. Didoakan semoga Allah menganugerahkan sebaik-baik ganjaran.

Penghargaan khusus ditujukan buat ayahanda Omar Abdullah di atas doa dan dorongan yang sentiasa diberikan. Tidak dilupakan ayahanda mertua Fahrulradzi Saari dan bonda mertua, Umi Kalsom Ali yang turut sentiasa mendoakan. Seterusnya teristimewa buat suami tercinta, Mohd Sofian Fahrulradzi terima kasih tidak terhingga kerana setia mendoakan, merestui, memberi dorongan dan bantuan sepanjang kembara ilmu ini. Buat anakanda tersayang Muhammad Ameer Fahmi dan Muhammad Amin El- Hady, didoakan semoga anakanda berdua menjadi pencinta ilmu dan pembela agama Islam kelak.

Tidak dilupakan sahabat seperjuangan Illi Sofiah, Nur 'Atikah, Siti Hazlini, Mariatul Qibtiah, Fatin Nabilah, Siti Zaharah, Quratul Aini, Nor Ain yang setia mendorong dan mendokong dalam pengembaraan master ini. Gandingan bahu dan genggam erat tangan kalian tidak pernah saya lupakan. Terima kasih tidak terhingga juga ku nukilkan buat sahabatku Asmah Mukhtar yang sentiasa meniupkan ketabahan untuk diri ini terus





mendaki, yang sentiasa membantu di saat diri ini buntu. Hanya Allah sahaja yang mampu membalasnya. Ribuan terima kasih tidak terhingga juga buat semua yang sudi mendoakan serta terlibat secara langsung dan tidak langsung di dalam pemusafiran ilmu ini. Akhir kalam, semoga Allah memberkati setiap apa yang kita usahakan, memperkenankan segala impian murni serta menganugerahkan kejayaan dan kemuliaan di dunia dan juga akhirat.





ABSTRAK

Kajian ini adalah untuk meneliti kepercayaan dan amalan pengajaran GPI dalam Bidang Sirah dan Tamadun Islam terhadap pembentukan akhlak murid di sekolah menengah. Selain itu ia juga bertujuan untuk meninjau elemen-elemen nilai akhlak yang diterapkan oleh Guru Pendidikan Islam di dalam pengajaran Bidang Sirah dan Tamadun Islam. Selain itu, kekangan-kekangan dalam melaksanakan penerapan nilai akhlak ini juga turut diteliti secara mendalam. Kajian ini berbentuk kajian kes, dengan menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya. Pengumpulan data dilakukan melalui temu bual separa berstruktur dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan perisian ATLAS.ti versi 8. Seramai lima orang GPI yang telah berkhidmat di dua buah sekolah di Daerah Kuala Kangsar telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Kajian mendapati GPI mempunyai kepercayaan yang kuat terhadap kesesuaian dan kepentingan penerapan nilai akhlak di dalam Bidang Sirah dan Tamadun Islam serta mampu menerapkannya dalam konteks pengajaran. GPI didapati melaksanakan penerapan nilai akhlak melalui strategi aktiviti kumpulan, penerangan, soal jawab serta contoh teladan. Dapatan mengenai pelaksanaan penerapan ini menunjukkan keselarian antara kepercayaan guru dengan pelaksanaannya di dalam pengajaran. Namun demikian, kajian turut mendapati GPI menghadapi kekangan untuk melaksanakan penerapan secara maksima dan berterusan di dalam pengajaran. Kekangan tersebut berupa kekangan dari aspek masa, persediaan guru, tahap murid serta kesedaran guru. Kesimpulan daripada kajian menunjukkan kepercayaan GPI terhadap penerapan nilai akhlak telah mempengaruhi amalan dan tindakan GPI untuk menerapkannya di dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Implikasi kajian ini menunjukkan kepercayaan dan amalan penerapan nilai akhlak dalam kalangan GPI dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembangunan sahsiah murid melalui pengajaran Sirah dan Tamadun Islam.





THE PRACTICE OF INCORPORATING MORAL VALUES IN THE TEACHING OF SIRAH AND ISLAMIC CIVILIZATION AT SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

This research is to examine the beliefs and teaching practices of Islamic Studies Teachers in the incorporation of moral values among secondary school students in the field of Sirah and Islamic Civilization. In addition, the research also has the objective of examining the elements of moral values incorporated by teachers of Islamic Studies in the teaching of Sirah and Islamic Civilization. Other than that, an indepth study has been done on the constrains faced in implementing these values. This research is modelled on the study case, entirely based on qualitative approach. The data collection was carried out through semi structured interviews and analysis of documents. The data analysis was done using ATLAS. ti version 8 software. Five teachers of Islamic Studies from two schools in the Kuala Kangsar District were selected through purposive sampling approach. The research finds these Islamic Studies Teachers have strong belief in the appropriateness and importance of implementing and teaching moral values in the field of Sirah and Islamic civilization. The implementation of these moral values by the teachers were carried out by various strategies namely, group activities, explanation, questionnaires and selected examples. The findings affirm that the teachers belief is in parallel with the implementation of moral values in the teaching process. However, research shows the teachers face several constrains in implementing these moral values fully and continuously in teaching. Among the constrains are time, teachers preparedness, students level and teachers awareness. In conclusion, the research shows the strong belief in the implementation of moral values has influenced the Islamic Studies to incorporate these values in the teaching of Sirah and Islamic Civilization. The implication of this studies shows the belief and implementation of these moral values by teachers of Islamic studies will enhance the effectiveness of teaching and caracter building among students through the teaching of Sirah and Islamic Civilization.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI iii

PENGHARGAAN iv

ABSTRAK vi

ABSTRACT vii

KANDUNGAN viii

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xiii



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI SINGKATAN xiv

SENARAI LAMPIRAN xvi

BAB I PENGENALAN 1

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 2

1.3 Pernyataan Masalah 6

1.4 Tujuan Kajian dan Objektif Kajian 13

1.5 Soalan Kajian 14

1.6 Kerangka Teori Kajian 15

1.7 Kerangka Konseptual Kajian 15

1.8 Kepentingan Kajian 17

1.9 Batasan Kajian 21

1.10 Definisi Operasional 22



1.11 Kesimpulan	26
-----------------	----

BAB II TINJAUAN LITERATUR 27

2.1 Pengenalan	27
----------------	----

2.2 Konsep Nilai	28
------------------	----

2.2.1 Konsep Nilai Menurut Perspektif Islam	29
---	----

2.2.2 Konsep Nilai Menurut Perspektif Barat	32
---	----

2.2.3 Rasulullah SAW dan Pembentukan Generasi Berakhlak	36
---	----

2.2.4 Penerapan Nilai dalam Sistem Pendidikan di Malaysia	38
---	----

2.3 Pengajaran Sirah dan Penerapan Nilai	42
--	----

2.4 Kaedah dan Teknik Penerapan Nilai	52
---------------------------------------	----

2.5 Halangan Penerapan Nilai	55
------------------------------	----

2.6 Kajian-kajian Berkaitan Penerapan Nilai	56
---	----

2.7 Kesimpulan	59
----------------	----

BAB III METODOLOGI 60

3.1 Pengenalan	60
----------------	----

3.2 Reka bentuk kajian	60
------------------------	----

3.3 Prosedur Persampelan	63
--------------------------	----

3.4 Instrumen Kajian	66
----------------------	----

3.5 Kajian Pra Lapangan (<i>Pilot Study</i>)	67
--	----

3.6 Prosedur Pengumpulan Data	68
-------------------------------	----

3.7 Kaedah/Teknik Menganalisis Data	69
-------------------------------------	----

3.8 Kesahan Dan Kebolehpercayaan	73
----------------------------------	----

3.9 Kesimpulan	75
----------------	----

BAB IV DAPATAN KAJIAN 76

4.1	Pendahuluan	76
4.2	Latar Belakang Peserta Kajian Dan Sekolah	78
4.3	Kepercayaan Guru Terhadap Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran Sirah	85
4.3.1	Kepercayaan Terhadap Fungsi Sirah Dan Tamadun Islam Dalam Pendidikan	86
4.3.2	Kepercayaan Terhadap Kesesuaian Penerapan Nilai Dalam Pengajaran Sirah Dan Tamadun Islam Di Sekolah Menengah	89
4.3.3	Kepercayaan Terhadap Kesan Penerapan Nilai	98
4.3.4	Kesimpulan	107
4.4	Elemen Penerapan Nilai	107
4.4.1	Nilai Akhlak Peribadi	108
4.4.2	Nilai Akhlak Sosial	113
4.4.3	Kesimpulan	117
4.5	Proses Pelaksanaan Penerapan Nilai Dalam Pengajaran Sirah Dan Tamadun Islam	118
4.5.1	Pelaksanaan Penerapan Nilai Melalui Langkah-langkah Pengajaran	119
4.5.2	Pelaksanaan Penerapan Nilai Melalui Kaedah / Teknik Yang Digunakan Dalam PdPc	127
4.5.3	Pelaksanaan Penerapan Nilai Melalui Penggunaan Bahan Bantu Mengajar	136
4.5.4	Jumlah Nilai Yang Diterapkan	139
4.5.5	Kesimpulan	140
4.6	Halangan Dalam Penerapan Nilai	140
4.6.1	Kekangan Masa	141
4.6.2	Persediaan Guru	143



4.6.3	Tahap Pelajar	147
4.6.4	Kesedaran Guru	148
4.7	Kesimpulan	150

BAB V RUMUSAN, PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN 151

5.1	Pendahuluan	151
5.2	Ringkasan Kajian	152
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	153
5.3.1	Kepercayaan Guru Terhadap Amalan Penerapan Nilai Akhlak Dalam Pengajaran Sirah	153
5.3.2	Elemen-elemen Nilai Dalam Pembentukan Akhlak	164
5.3.3	Proses Pelaksanaan Penerapan Nilai Di Dalam Bilik Darjah	168
5.3.4	Faktor Halangan Dan Cabaran Dalam Penerapan Nilai Akhlak	173
5.4	Rumusan Kajian	182
5.5	Implikasi Dan Cadangan	185
5.5.1	Aspek Praktikal Dan Cadangan Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Sirah Dan Tamadun Islam	185
5.5.2	Implikasi Dan Cadangan Terhadap Persediaan Guru Dan Bakal Guru	187
5.6	Sumbangan Kajian	188
5.7	Cadangan Kajian Lanjutan	189
5.8	Penutup	190

RUJUKAN 192

LAMPIRAN 199



**SENARAI JADUAL****No. Jadual****Muka Surat**

4.1	Latar belakang Peserta Kajian	78
4.2	Demografi Peserta Kajian	79
4.3	Kedudukan Sekolah Dan Jenis Sekolah	79
4.4	Tema Kepercayaan Guru Terhadap Amalan Penerapan Nilai	85
4.5	Kepercayaan Guru Terhadap Kesesuaian Penerapan Nilai di Sekolah Menengah	97
4.6	Kesan Pelaksanaan Penerapan Nilai Terhadap Murid	102
4.7	Kepercayaan Guru Terhadap Kesan Penerapan Nilai di Sekolah Menengah	106
4.8	Ringkasan Tema Nilai Akhlak Keagamaan Melalui Data Temu bual	110
4.9	Ringkasan Nilai Berkaitan Pembentukan sahsiah Muslim	113
4.10	Nilai Akhlak Sosial	117
4.11	Elemen Nilai Yang Diterapkan dalam Pengajaran Sirah dan Tamadun Islam	118
4.12	Aktiviti Semasa Permulaan Pengajaran	121
4.13	Pola Aktiviti Semasa Perkembangan Pengajaran	125
4.14	Pola Aktiviti Semasa Penutup Pengajaran	127
4.15	Kaedah Penerapan Nilai	136
4.16	Penggunaan BBM dalam Penerapan Nilai	139
4.17	Proses Penerapan Nilai dalam Sirah dan Tamadun Islam	140
4.18	Ringkasan Halangan dalam Penerapan Nilai	150



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	17
2.1 Model Nukleitik	50
2.2 Model Penerapan Nilai 3K Ismail Jusoh	51
3.1 Metodologi Kajian	61
3.2 Susunan Dokumen Data Mentah dalam Aplikasi Atlas ti	71
3.3 Contoh Paparan Pengekoden terbuka	72
5.1 Halangan dan Cabaran Penerapan Nilai	182



SENARAI SINGKATAN

%	Peratus
&	Dan
APC	Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
BBM	Bahan Bantu Mengajar
BA	Bachelor of Art
BPPDP	Bahagian Penyelidikan dan Perancangan Dasar Pendidikan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
EMK	Elemen Merentas Kurikulum
Et.al	Etalia; and other
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
FPN	Falsafah Pendidikan Negara
GCPI	Guru Cemerlang Pendidikan Islam
GPI	Guru Pendidikan Islam
hlm	Halaman
ICT	Information And Communication Technology
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KPLI	Kursus Pengajian Lanjutan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia





KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
LCD	Liquid crystal display
PDPC	Pembelajaran Dan Pemudahcaraan
PI	Pendidikan Islam
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PK	Peserta Kajian
PK 1	Peserta Kajian 1
PK 2	Peserta Kajian 2
PK 3	Peserta Kajian 3
PK 4	Peserta Kajian 4
PK 5	Peserta Kajian 5
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
S1	Sekolah 1
S2	Sekolah 2
SAW	Sallallahu alaihi wasallam
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SWT	Subhanahu wa taala
tt	Tanpa tarikh
TM	Temu bual
UIA	Universiti Islam Antarabangsa
UIN	Universiti Islam Negeri Bandung, Indonesia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya





SENARAI LAMPIRAN

Lampiran

- A Surat Permohonan Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Sarjana Kepada Pengetua Sekolah
- B Surat Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian Daripada Kementerian Pendidikan malaysia (KPM)
- C Surat Pelantikan Pakar Penilai Instrumen Kajian
- D Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Daripada Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak
- E Contoh Protokol Temu bual
- F Contoh Transkrip Temu bual Kajian





BAB I

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan



Bahagian ini akan memaparkan gambaran keseluruhan mengenai kajian yang dijalankan. Kajian yang dilakukan ini adalah mengenai penerapan nilai akhlak oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam pengajaran bidang Sirah dan Tamadun Islam di sekolah menengah. Tumpuan utama kajian ini adalah untuk meninjau dan memahami kepercayaan dan amalan penerapan nilai akhlak oleh Guru Pendidikan Islam (GPI) dalam melaksanakan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam di sekolah menengah. Justeru, bab ini membincangkan secara jelas dan terperinci berkaitan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan dan objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teori, kerangka konseptual kajian, batasan kajian serta huraian istilah yang berkaitan dengan tajuk kajian ini.





1.2 Latar Belakang Kajian

Pembentukan Tamadun Manusia yang tinggi amat memerlukan kepada proses pendidikan akhlak khususnya dalam membangunkan insan. Maka, pembangunan insan yang berakhlak mulia telah mendasari matlamat utama dalam sistem pendidikan negara. (Ab. Halim Tamuri & Zaharah Husin, 2010).

Umumnya, sistem pendidikan di Malaysia selari dengan pandangan pakar-pakar akhlak terdahulu seperti Ibn Miskawayh, Al-Ghazali dan Al-Tusi yang menyifatkan bahawa akhlak individu boleh diasuh, dididik, didisiplinkan dan dibiasakan dengan perlakuan yang baik. Secara ringkasnya, beberapa pernyataan di dalam dokumen penting seperti *Report of The Education Review Committee 1960*, Laporan Kabinet 1979 & Kementerian Pendidikan Malaysia 1990 serta Bahagian Pendidikan Guru 2001 telah menggambarkan cita-cita negara untuk melahirkan masyarakat yang berakhlak mulia (Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar & Ab Halim Tamuri, 2017). Hal ini mengisyaratkan bahawa pendidikan di Malaysia telah menggambarkan dengan jelas tentang hasrat pendidikan negara yang memberi penekanan serius terhadap pembentukan akhlak mulia melalui kaedah penerapan nilai akhlak secara bersepadu di sekolah.

Sejajar dengan penekanan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam aspek penghayatan akhlak yang mulia, Falsafah Pendidikan Islam pula berperanan untuk menginterpretasikan falsafah tersebut dengan memberi tumpuan terhadap perkembangan ilmu yang dapat membentuk akhlak manusia sebagaimana yang terkandung dalam kenyataan berikut:

Pendidikan Islam adalah suatu usaha berterusan untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan As-Sunnah bagi





membentuk sikap, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah yang mempunyai tanggung jawab untuk membangun diri, masyarakat, alam sekitar dan negara ke arah mencapai kebaikan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.

(Bahagian Kurikulum JAPIM 2002)

Secara umumnya, Muhammad Qutb (2001) menyatakan bahawa falsafah pendidikan dalam Islam telah digambarkan oleh para sarjana sebagai usaha mengembangkan potensi individu melibatkan semua domain kemanusiaan secara seimbang dan menyeluruh melibatkan jasmani, intelek, emosi dan rohani bagi mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat (Nursafra, 2017). Di samping itu, menurut al-Ghazali, pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk mengisi fikiran para pelajar dengan ilmu pengetahuan, tetapi juga untuk memupuk akhlak yang murni.



Hal ini dikuatkan lagi tatkala menelusuri kembali *The First World Conference on Muslim Education* yang pernah diadakan di Makkah pada tahun 1977. Kesepakatan telah dicapai daripada tokoh-tokoh Pendidikan Islam dari seluruh dunia bahawa matlamat pendidikan Islam adalah memberi tumpuan kepada hubungan dengan Allah swt dan manusia serta kepada pembangunan insan yang seimbang dan bersepadu sebagaimana pernyataan berikut :

Education should aim at the balanced growth of the total personality of man through the training of Man's spirit, intellect, the rational self, feelings and bodily sense. Education should therefore cater for the growth of man in all its aspects: spiritual, intellectual, imaginative, physical, scientific, linguistic, both individually and collectively and motivate all these aspects towards goodness and the attainment of perfection. The ultimate aim of Muslim education lies in the realization of complete submission to Allah on the level of the individual, the community and humanity at large.

(Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2010).





Justeru, bagi melahirkan masyarakat berakhlak mulia, secara rasminya setiap guru terutama sekali Guru Pendidikan Islam merupakan insan yang bertanggungjawab menggalas tugas menyampaikan dan mengajar elemen-elemen akhlak dan nilai di sekolah. Di samping itu juga, tugas guru menurut perspektif Islam merangkumi pelbagai tanggungjawab yang sangat luas dalam pembangunan akhlak dan diri manusia iaitu sebagai *murabbi*, *muaddib* dan bukan semata-mata seorang *mu'allim*. Justeru, tugas guru sewajarnya dikaitkan dengan tugas pendakwah atau *da'i* (Nor Hayati Fatmi Talib, Bani Hidayat Shafie, Mohd Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria, Nabiroh Kassim & Ab. Halim Tamuri, 2010).

Oleh yang demikian, guru dilihat bukan sekadar menyampaikan ilmu dan kemahiran semata-mata, bahkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi hendaklah diamalkan dan dihayati sepenuhnya oleh setiap individu muslim yang beriman. Maka guru yang turut berperanan sebagai seorang pendakwah adalah memegang amanah dalam mendidik masyarakat khususnya pelajar-pelajar mereka melalui pelbagai metod dan pendekatan dakwah yang berkesan ke arah pembentukan akhlak yang mulia. Justeru, falsafah dan konsep PI tersebut perlu difahami supaya GPI dapat menyesuaikan kaedah didikan mengikut zaman dengan matlamat akhir pendidikan itu sendiri (Nursafra, 2017).

Tambahan pula, cabaran merealisasikan Falsafah Pendidikan Islam merupakan satu isu yang dibincangkan sehingga kini. Tajul Ariffin dan Nor Aini (2002) menyatakan bahawa isu pembinaan nilai merupakan isu yang paling kronik dalam pendidikan masa kini. Budaya Barat telah menyebabkan hidup manusia semakin jauh dari fitrah kejadian asal manusia. Perkembangan dalam gaya hidup sosial, ekonomi, politik, seni dan sebagainya mengarah kepada gaya hidup yang bertentangan dengan





fitrah manusia. Oleh itu, konsep pendidikan yang bersepadu dilihat sebagai salah satu ubat dalam merawat gejala negatif terbabit (Nor Hayati Fatmi Talib, Bani Hidayat Shafie, Mohd Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria, Nabiroh Kassim & Ab. Halim Tamuri, 2010).

Sementara itu, melalui Kurikulum KBSR dan KBSM juga, pendedahan akhlak bukan sahaja tertumpu dalam bahagian Akhlak Islamiyah semata-mata, tetapi juga wajar dipraktikkan secara gabung jalin (Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar & Ab Halim Tamuri, 2017). Oleh itu, pengajaran Sirah dan Tamadun Islam merupakan salah satu kompenen penting dalam Pendidikan Islam yang diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan tujuan agar murid-murid dapat menjana pemikiran melalui kefahaman Sirah Nabi Muhammad s.a.w dan sejarah tokoh-tokoh dan Tamadun Islam serta mengambil iktibar daripadanya. Bidang ini telah distrukturkan semula dengan menumpukan kepada penghayatan topik-topik tertentu. Selain itu, perbincangan berkaitan tokoh juga telah diringkaskan dengan hasrat agar murid-murid dapat menumpukan banyak masa untuk menghayati pengajaran dan iktibar daripada tajuk-tajuk yang dipelajari (KPM, Kurikulum Standard Sekolah Menengah, 2017).

Selain itu juga, penggubalan kurikulum Sirah dan Tamadun Islam adalah bertujuan untuk mendidik remaja agar memiliki identiti diri yang berwibawa serta mempunyai semangat dalam menyuburkan sejarah umat Islam yang gemilang di masa silam (Nor Alniza, 2019). Justeru, melalui pengajaran bidang Sirah dan Tamadun Islam, GPI bukan sahaja dapat menyampaikan fakta-fakta dan peristiwa bahkan turut dapat menerapkan iktibar serta teladan yang baik dalam pembentukan akhlak murid selaras dengan hasrat murni FPK dan FPI itu sendiri.





Menurut Zakiah (2005), sikap murid yang mudah terpengaruh dengan unsur positif dan negatif yang bertentangan dengan nilai agama, moral dan budaya sendiri juga disebabkan oleh kegagalan pihak sekolah menanganinya. Faktor ini berlaku kerana pihak sekolah terlalu memberi penekanan kepada perlaksanaan kurikulum yang terancang dan berorientasi peperiksaan dan masih kurang kepada kurikulum yang tersembunyi melalui penerapan nilai-nilai. Apabila faktor kecemerlangan dalam pencapaian akademik diberi keutamaan, akibatnya faktor sahsiah dan akhlak kurang diberi perhatian.

Bertitik tolak dari itu, kajian berkenaan amalan penerapan nilai akhlak dalam kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI) dilihat amat berkait rapat dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) serta Falsafah Pendidikan Islam (FPI) itu sendiri.

Selain itu, ia juga turut dipengaruhi oleh keperluan semasa serta cabaran yang perlu dihadapi oleh sistem pendidikan negara dalam usaha membangunkan insan yang berakhlak mulia. Kajian ini akan memberikan gambaran persepsi dan amalan guru Pendidikan Islam terhadap penerapan nilai-nilai akhlak dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam untuk menyeimbangkan antara akademik dan sahsiah tersebut.

1.3 Pernyataan Masalah

Kajian penerapan nilai dalam pengajaran dan pembelajaran menggambarkan keperihatinan para sarjana tempatan terhadap isu penerapan nilai dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana isu berkaitan nilai merupakan isu yang tidak boleh dikesampingkan di dalam sistem pendidikan negara yang dilihat kian mencabar. Sumbangan sarjana yang berterusan amat diperlukan bagi membantu negara mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Nik Zaharah, 2007).





Disamping itu, fokus penerapan nilai murni dan juga pendidikan nilai akhlak di Malaysia dilihat mempunyai persamaan dari segi matlamat yang ingin diraih iaitu bagi membentuk murid-murid yang memiliki sahsiah yang mulia dan terpuji seiring dengan penguasaan ilmu pengetahuan yang tinggi. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan beberapa dokumen yang menitik-beratkan kepentingan nilai dan moral di dalam beberapa dasar yang digariskan kerajaan (Nabiroh, 2013).

Umumnya, Kurikulum Pendidikan Islam itu sendiri adalah bertepatan dengan acuan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam yang bertujuan membentuk keperibadian yang menyeluruh dan sempurna merangkumi pelbagai domain termasuklah aspek pembinaan peribadi. Hal ini kerana Pendidikan Islam merupakan medium yang merangkumi keseluruhan aspek kehidupan termasuk elemen yang dapat membina nilai peribadi muslim. Ia tidak hanya tertumpu kepada pengajian al Quran dan penguasaan jawi semata-mata (Nor Alniza, 2019). Misalnya, menurut Ahamad & Sidek (2012), pengajaran Sirah dan Tamadun Islam tidak dilihat sebagai penyampaian fakta semata-mata bahkan penerapan nilai melalui iktibar di dalam sesuatu topik yang diajar perlu dititikberatkan melalui pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Maka melalui pendekatan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dalam Sirah dan Tamadun Islam yang dimainkan oleh Guru Pendidikan Islam dapat mendidik murid mengaplikasikan pengetahuan mereka dengan mengamalkan nilai akhlak yang diterapkan (Nor Alniza, 2019).

Sesuatu yang menjadi titik persoalan di sini ialah setelah sekian lama FPN dilakar di atas kanvas pendidikan, tidak dilupakan juga Wawasan 2020 yang direntangkan serta KBSR dan KBSM yang telah memasuki dekad ketiga pelaksanaannya sehingga membawa kepada transformasi dan penjelmaan KSSR dan





KSSM, sejauh manakah penerapan nilai-nilai murni termasuk nilai akhlak yang dihasratkan dijemakan di sekolah? Apakah terdapat kekangan yang membataskan guru untuk melaksanakannya? Seandainya dari sudut praktiknya Falsafah Pendidikan yang telah dinyatakan dengan begitu cantik dan jelas ini diketepikan, tentu sekali ianya amat mendukacitakan.

Ironinya, fenomena keruntuhan akhlak dalam kalangan murid-murid sekolah dewasa ini mendatangkan keresahan dalam kalangan masyarakat khususnya para guru dan ibu bapa (Siti Rashidah Abdul Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed, 2016). Jika direnung dan diteliti, fenomena hari ini seolah-olah memperlihatkan hasrat pendidikan itu hanya menekankan sistem nilai, namun implementasi kurikulum di sekolah belum dapat menampung tujuan pendidikan sebagaimana yang dikehendaki (Munir, 2017). Disamping itu, pelbagai kes salah laku yang berlaku dalam kalangan remaja terutamanya murid sekolah dilihat bersangkutan dengan kegagalan dalam menerapkan nilai-nilai yang baik kepada mereka (Nor Alniza, 2019). Maka, sedikit sebanyak ia memberikan petunjuk seolah-olah ilmu dan proses pengajaran yang dilaksanakan di dalam Pendidikan Islam khususnya tidak mampu membentuk akhlak yang ampuh dalam diri setiap murid-murid Islam. Oleh itu, peranan guru Pendidikan Islam dilihat amat penting dalam mendepani cabaran kemerosotan akhlak, disiplin dan agama yang dihadapi oleh murid sekolah termasuklah melalui pendekatan pengajaran dan pembelajaran di samping aktiviti di sekolah (Jasmi, 30 Oktober 2011).

Masalah pelaksanaan penerapan nilai akhlak di peringkat sekolah dapat digambarkan melalui satu kajian yang dilakukan oleh Ab. Halim Tamuri (2000) berkaitan pengajaran akhlak di kalangan pelajar tingkatan 4 di negeri Selangor dan





Negeri Sembilan yang mendapati 8 daripada 27 orang pelajar yang ditemubual menghadapi masalah dalam pengajaran yang diberikan oleh guru. Menurut beliau antara faktornya ialah :

1. Murid tidak memahami apa yang dipelajari kerana kabur terhadap penjelasan yang dibuat oleh guru.
2. Mereka tidak dapat mengaitkan apa yang dipelajari di dalam bilik darjah dengan apa yang diamalkan dalam kehidupan seharian.
3. Mereka rasa mengantuk semasa PdP serta tidak dapat memberi tumpuan pelajaran kerana bosan dengan pengajaran guru.
4. Terdapat guru yang menunjukkan contoh yang tidak baik semasa melaksanakan proses pengajaran.



Meskipun perkara yang dinyatakan di atas hanya berlaku dalam kalangan segelintir guru Pendidikan Islam, namun isu ini wajar diberi penekanan dan perhatian serius kerana khuatir akan menyumbang impak yang negatif terhadap perkembangan akhlak para pelajar (Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2010). Oleh yang demikian guru mestilah memiliki kefahaman yang mendalam terhadap Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) khususnya, memandangkan peranan mereka sangat penting kerana dalam konteks apa-apa kurikulum sekali pun, mereka merupakan jambatan di antara ilmu dengan murid (Ahmad Mohd Said 2001). Terdapat banyak ruang yang perlu dikaji untuk mencapai objektif pembelajaran terutamanya dalam penerapan nilai akhlak itu sendiri.

Selain itu, amalan pengajaran guru yang berkesan juga merupakan salah satu faktor yang dapat meningkatkan akademik dan sahsiah pelajar. Penerapan amalan





nilai dalam pengajaran adalah perlu bagi memastikan falsafah pendidikan dapat dicapai. Menurut (AK Hj Jamaludin bin Pg Hj Zainal & Dr Adam bin Hj Jait, 2016), pengajaran yang berkesan adalah satu proses yang menggabungkan aspek kepercayaan dan pemikiran, pengetahuan dan pengamalan guru di dalam kelas. Penelitian kepada kepercayaan dan proses pemikiran guru itu adalah perlu kerana ia memberi impak kepada tindakan guru di dalam pengajaran. Selain itu, ketidakfahaman kalangan guru terhadap konsep sepadu dalam pengajaran Pendidikan Islam akan mencetuskan pula konsep dualisme dalam pendidikan untuk berjalan selari, tetapi tidak bertemu pada satu titik pertemuan yang berasaskan al-Quran dan al-Sunah (Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2010). Maka, penelitian terhadap kepercayaan Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah itu adalah wajar dalam memahami pelaksanaan mereka terhadap penerapan nilai akhlak di dalam komponen Sirah dan Tamadun Islam.

Menurut Rozita Che Mustapha et.al, (2017), tahap pencapaian dan penguasaan murid terhadap komponen Sirah dan Tamadun Islam masih lagi lemah berbanding dengan komponen-komponen lain di dalam Pendidikan Islam. Selain itu, murid juga didapati agak sukar memperolehi markah di dalam komponen ini berbanding komponen lain di dalam Pendidikan Islam. Maka, hal ini memperlihatkan komponen ini seolah-olah kurang diberikan penekanan dan penghayatan di dalam proses pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam itu sendiri. Maka persepsi Guru Pendidikan Islam terhadap fungsi dan peranan Bidang Sirah dan Tamadun Islam terhadap pembangunan sahsiah murid perlu diberi perhatian.

Selain itu, permasalahan yang berkaitan kepercayaan guru di dalam menerapkan nilai turut digambarkan melalui kajian (Norhashimah 2000; Nobiroh





2013). Kajian terbabit menjelaskan mengenai penerapan nilai murni melalui pengajaran Bahasa Melayu di sekolah rendah mendapati bahawa guru berada di dalam dilema disebabkan oleh perkara-perkara yang dilihat oleh masyarakat bukan nilai murni yang berterap dalam pengajaran tetapi pencapaian akademik murid-murid.

Disamping itu, isu pendekatan dan kaedah yang digunakan dalam proses PdPc Pendidikan Islam juga telah membangkitkan persoalan tentang sejauh manakah pendekatan dan kaedah PdPc Pendidikan Islam yang dilaksanakan di sekolah mampu membuka ruang yang luas bagi melahirkan generasi Muslim yang mampu mengaitkan kepentingan ajaran Islam dengan bidang-bidang yang lebih luas dan realistik dalam kehidupan seharian mereka? Apakah benar guru-guru Pendidikan Islam masih terlalu menekankan pendekatan dogmatik dan jumud dalam pengajaran mereka yang dominan? (Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2010).



Abdul Fatah (2001) telah membincangkan peranan Rasulullah saw sebagai pendidik yang unggul dan ulung. Beliau telah mengenal pasti dan menghuraikan 40 teknik dan cara mengajar yang berkesan oleh Rasulullah saw yang antara lainnya ialah: menjadikan diri dan akhlakunya yang mulia sebagai model pendidikan, memberi nasihat dan peringatan, interaksi dua hala dan sebagainya (Ab Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, 2010). Sehubungan dengan itu, sewaktu melaksanakan pengajaran guru sewajarnya menggunakan pendekatan serta bahan bantu mengajar yang sesuai dengan murid agar murid mampu menguasai topik yang diajar seterusnya berupaya mengaitkan ilmu dan nilai yang diperolehi ke dalam kehidupan seharian mereka.





Pada sudut yang lain, berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh (Siti Rashidah Abdul Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed, 2016) menjelaskan bahawa guru berdepan dengan konflik yang menghalang upaya guru menerapkan nilai akhlak mulia. Antara faktor yang mencetuskan konflik tersebut ialah mereka dibebani dengan tugas pengajaran dan pembelajaran yang padat, aktiviti kokurikulum sekolah serta tugas pentadbiran dan pengkeranian. Hal ini sedikit sebanyak menyebabkan mereka mempunyai kekangan masa untuk memberi perhatian sepenuhnya kepada murid-murid terutamanya kepada murid yang mempunyai masalah akhlak.

Kajian Zaridah (2007) berhubung amalan penerapan nilai murni pengajaran mata pelajaran KBSM di sekolah menengah Daerah Jasin mendapati hanya 62.4 % guru Pendidikan Islam yang menyatakan mereka selalu menerapkan nilai murni dalam P&P. Hal ini memberi gambaran bahawa tidak semua Guru Pendidikan Islam berupaya ataupun mengamalkan amalan penerapan nilai murni seperti yang dihasratkan (Nabiroh, 2013). Menurut (Nik Zaharah, 2007), Kajian terdahulu berhubung penerapan nilai dalam pdp menunjukkan guru bermasalah untuk melaksanakan penerapan nilai dalam pdp dari segi memilih jenis nilai, menentukan kaedah yang sesuai, masalah kekangan masa serta kurang perancangan.

Selain itu juga, guru-guru Pendidikan Islam turut menghadapi masalah kekurangan sumber rujukan tambahan dan bahan bantu mengajar berkaitan dengan komponen Tamadun Islam di Sekolah. Contoh sumber rujukan tambahan seperti kitab-kitab muktabar seperti *Sirah Nabawiyyah*, *Tarikh Khulafa'* dan rujukan-rujukan mengenai tokoh-tokoh Islam seperti Imam Mazhab serta bahan bantu mengajar seperti peta. Sebagai seorang guru masalah kekangan masa turut menyebabkan mereka sukar





membuat rujukan kepada sumber rujukan tambahan dan mendapatkan bahan bantu mengajar. Hal ini kerana masa yang diperuntukkan bagi subjek Pendidikan Islam ini adalah empat jam seminggu sedangkan terdapat banyak topik yang perlu disentuh dan diterangkan kepada para pelajar (Rozita Che Mustapha, Ezad Azraai Jamsari, Norshahidah Zakaria, Nurliyana Mohd Talib, 2011).

Oleh yang demikian, berpanduan permasalahan-permasalahan yang telah diutarakan, satu kajian yang khusus terhadap amalan penerapan akhlak melalui Bidang Sirah di sekolah menengah perlu dilakukan kerana akhlak murid mempunyai hubungan yang akrab dengan masalah sosial yang mengancam pembinaan modal insan di negara ini. Selain itu, segala permasalahan yang sering dikaitkan dengan amalan penerapan akhlak di dalam pengajaran mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah hari ini turut mendorong agar satu kajian khusus berkaitan amalan penerapan akhlak di dalam Bidang Sirah dilakukan. Hal ini membawa hasrat agar proses pengajaran Pendidikan Islam yang telah dilaksanakan di sekolah menengah melalui Bidang Sirah selama ini mampu menangani permasalahan yang dihadapi kini. Hal ini juga turut memberi peluang pengkaji memberikan input baru dalam penyelidikan pendidikan.

1.4 Tujuan Kajian dan Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan untuk meneliti amalan penerapan nilai akhlak yang terkandung dalam pengajaran Bidang Sirah dan Tamadun Islam dalam kalangan Guru Pendidikan Islam di sekolah menengah. Secara spesifiknya, objektif kajian ini adalah untuk :





- (a) Meneliti kepercayaan Guru Pendidikan Islam terhadap kesesuaian dan kepentingan amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran Bidang Sirah dan Tamadun Islam.
- (b) Meninjau elemen- elemen nilai akhlak yang diterapkan oleh Guru Pendidikan Islam di dalam pengajaran Bidang Sirah dan Tamadun Islam.
- (c) Meneliti amalan penerapan nilai akhlak dalam pengajaran Bidang Sirah dan Tamadun Islam yang diamalkan oleh Guru Pendidikan Islam.
- (d) Mengenal pasti kekangan-kekangan yang dihadapi Guru Pendidikan Islam untuk menerapkan nilai akhlak dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam di sekolah menengah.

1.5 Soalan Kajian



Bagi mencapai tujuan dan objektif yang dinyatakan di atas, beberapa persoalan kajian telah dibentuk. Soalan-soalan kajian yang dibina bagi mengkaji penerapan nilai akhlak dalam pengajaran Bidang Sirah dan Tamadun Islam adalah seperti berikut :

- (a) Sejauh manakah kepercayaan Guru Pendidikan Islam terhadap kesesuaian dan kepentingan amalan penerapan nilai akhlak dalam pengajaran Bidang Sirah dan Tamadun Islam?
- (b) Apakah elemen- elemen nilai akhlak yang diterapkan oleh Guru Pendidikan Islam di dalam pengajaran Bidang Sirah dan Tamadun Islam?
- (c) Bagaimanakah amalan penerapan nilai akhlak dipraktikkan oleh Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Bidang Sirah dan Tamadun Islam?





- (d) Apakah kekangan-kekangan yang dihadapi Guru Pendidikan Islam untuk menerapkan nilai akhlak dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam di sekolah menengah?

1.6 Kerangka Teori Kajian

Maxwell (2003) menyatakan bahawa kerangka teori dalam kajian kualitatif berfungsi untuk memaparkan satu sistem konsep, kepercayaan atau jangkaan yang bersifat umum. Pada asasnya, kerangka teori ini bukan ditetapkan daripada awal kajian kerana ia berkembang seiring dengan pembacaan dan mengambil kira dapatan kajian. Kerangka ini bersifat fleksibel dan terbuka kepada sebarang perubahan sepanjang kajian dilaksanakan.



Justeru, kajian ini menggunakan perkaitan pandangan pakar akhlak terdahulu iaitu Ibn Miskawayh, Al- Ghazali dan Al-Tusi yang menyifatkan bahawa akhlak individu boleh diasuh, dididik, didisiplinkan dan dibiasakan dengan perlakuan yang baik. Teori ini menjadi asas kepada pengkaji untuk meneroka amalan penerapan nilai akhlak yang dilaksanakan guru dalam kajian ini.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Satu kerangka konseptual kajian telah dibina untuk memperlihatkan perkaitan antara kesemua konstruk- konstruk utama kajian. Dokumen Standard Kurikulum dan Penilaian KSSM dan Huraian Sukatan Pelajaran KBSM merupakan komponen utama yang diambil-kira dalam pembinaan kerangka konseptual kajian ini. Hal ini sejajar dengan fokus kajian ini yang menekankan objektif untuk meneroka kepercayaan Guru-guru Pendidikan Islam terhadap amalan penerapan nilai akhlak dalam






pengajaran Bidang Sirah dan Tamadun Islam, meninjau apakah elemen-elemen nilai akhlak dalam yang diterapkan oleh Guru Pendidikan Islam dalam pengajaran, meneroka pelaksanaan proses penerapan nilai dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam dalam kalangan Guru-guru Pendidikan Islam serta mengenal pasti kekangan-kekangan yang dihadapi Guru Pendidikan Islam untuk menerapkan nilai akhlak dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Justeru, satu kerangka konseptual kajian telah dibina bagi melihat perkaitan di antara setiap konstruk –konstruk tersebut.

Berdasarkan kerangka konsep kajian ini, ia menjelaskan tentang amalan pengajaran Bidang Sirah dan Tamadun Islam dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam serta proses pengajaran Model Pendidikan Islam KSSM yang memfokuskan Bidang Sirah dan Tamadun Islam.



Bagi komponen Guru Pendidikan Islam, kajian ini menggunakan pemboleh ubah pendidikan, pengalaman dan juga kepercayaan sebagai input guru. Menurut Fennema et.al (1992) menyatakan bahawa pengetahuan dan juga kepercayaan merupakan konstruk utama yang mempengaruhi keputusan guru di dalam kelas. Hal ini menyebabkan keputusan guru tersebut mampu menggalakkan berlakunya proses pembelajaran di dalam kelas dan melibatkan kognitif murid-murid (Nabiroh, 2013). Manakala bagi komponen Model Pendidikan Islam KSSM pula akan memperlihatkan pemboleh ubah amalan pengajaran guru Pendidikan Islam sewaktu permulaan, perkembangan, sehingga ke penutup pengajaran. Selain itu ia juga merangkumi kaedah dan juga elemen nilai akhlak dalam Sirah dan Tamadun Islam. Di samping itu, Amalan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam berteraskan nilai akhlak merupakan hasil kajian ini.





Rajah 1.1 : Kerangka Konseptual Kajian. Adaptasi daripada Nabiroh, 2013 & Nursafra, 2017

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini menyentuh tentang amalan penerapan nilai akhlak dalam Bidang Sirah dan Tamadun Islam. Selain itu, secara spesifiknya kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti kepercayaan dan pelaksanaan pengajaran bidang Sirah dan Tamadun Islam dalam pembentukan akhlak murid-murid di sekolah menengah. Hasil dapatan kajian diteroka secara mendalam ini diharapkan berupaya menyumbang kepada penambahbaikan kualiti pengajaran guru Pendidikan Islam khususnya dalam penerapan nilai akhlak murid. Di samping itu, tajuk kajian ini juga merupakan salah



satu tajuk ataupun perbincangan yang mempunyai sedikit kelainan di dalam bidang penyelidikan Pendidikan Islam di Malaysia. Diharapkan agar dapatan awal kajian ini dapat memberikan gambaran awal tentang sejauh mana bidang Sirah dan Tamadun Islam mampu membuka jalan ke arah penyelidikan tahap pelaksanaan penerapan nilai akhlak murid berpandukan penerapan nilai-nilai murni di dalam pembelajaran Sirah di sekolah- sekolah menengah.

Selain itu, kajian ini dilaksanakan bagi meninjau unsur-unsur pembentukan akhlak murid berpandukan pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam di dalam Pendidikan Islam. Hal ini secara tidak langsung dapat memberikan panduan dan maklumat yang berguna kepada individu murid, ibu bapa, guru, pihak sekolah serta pihak-pihak yang terlibat dengan dunia pendidikan tentang keutamaan dan kebaikan pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam. Kebaikan pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam kepada individu murid ialah mampu meneladani sifat-sifat mulia yang terkandung di dalam Sirah, mengambil iktibar daripada peristiwa yang telah berlaku, mendorong semangat patriotik yang berterusan, memberi inspirasi ke arah kecemerlangan, mampu meramalkan akibat sesuatu tindakan yang dilakukan, berhati-hati di dalam setiap tindakan dan percakapan serta lain-lain lagi impak positif daripada Sirah dan Tamadun Islam. Kebaikan-kebaikan tersebut sekiranya diaplikasikan di dalam kehidupan seharian murid mampu membentuk murid yang berakhlak mulia serta kamil. Justeru, pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam yang berkesan perlu diterapkan di peringkat sekolah kerana kaedah tarbiyah berpandukan Sirah dan Tamadun Islam sedikit sebanyak mampu membentuk akhlak yang baik dan secara tidak langsung berupaya mengelakkan murid-murid terjerumus ke kancah kebejatan akhlak yang kian meruncing pada masa kini.





Kajian ini juga boleh membuka ruang kepada usaha-usaha penambahbaikan mutu kurikulum Pendidikan Islam yang sedia ada ke arah suatu kurikulum pendidikan yang lebih mantap, holistik dan bitara. Hal ini dilihat sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berhasrat melahirkan individu yang berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Hal ini bermaksud pendidikan itu sewajarnya mampu membentuk minda dan peribadi murid ke arah keseimbangan dan kesejahteraan. Justeru, Bidang Sirah dan Tamadun Islam dilihat sebagai salah satu bidang di dalam kurikulum yang mampu membentuk akhlak murid melalui iktibar dan suri teladan yang terkandung di dalamnya. Penerapan nilai-nilai murni yang mampu mencorak akhlak pelajar perlu dititik-beratkan melalui pengajaran dan pembelajaran Sirah di sekolah. Hal ini kerana pendidikan yang hanya menumpukan kepada isi kandungan semata-mata tanpa menitik-beratkan penghayatan akhlak akan membawa kerugian kepada pembangunan intelektual negara. Manakala akhlak itu pula, perlulah disandarkan kepada Islam bagi menjelmakan satu tingkah laku yang mulia sebagaimana sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud : *Islam itu adalah akhlak yang mulia*. Disamping itu, ia juga bertepatan dengan Sabda Rasulullah s.a.w yang lain bermaksud : *Sesungguhnya manusia yang paling mulia akhlaknya ialah kalangan mereka yang paling sempurna agamanya*.

Kajian ini juga dapat memberi perubahan paradigma terhadap perspektif dan tindakan para guru sama ada Guru Pendidikan Islam mahupun guru mata pelajaran lain yang beragama Islam bahawa penerapan elemen akhlak ataupun sahsiah di dalam setiap mata pelajaran yang diajar adalah peranan dan tanggungjawab semua insan



bergelar guru yang beragama Islam. Hal ini kerana ia berupaya mempengaruhi pembentukan sahsiah dan akhlak unggul murid sekiranya usaha ini dijalankan secara bersepadu. Hal ini menjelaskan bahawa, tidak seharusnya berlaku fenomena dikotomi ataupun dualisme di dalam bidang pendidikan di sekolah-sekolah. Maka, Kajian ini sedikit sebanyak dapat memberikan kesedaran kepada semua guru mahupun pihak sekolah dan ibu bapa akan peri pentingnya pembinaan akhlak dan sahsiah murid di dalam mengejar kecemerlangan. Justeru, para guru sewajarnya berupaya pula memberi kesedaran kepada setiap murid melalui mata pelajaran yang diajarkannya dengan menerapkan elemen-elemen pembentukan akhlak kepada murid berdasarkan kajian *manhaj* Sirah dan Tamadun Islam dalam pembentukan akhlak ini. Maka melalui *manhaj-manhaj* pembentukan akhlak yang dikenal pasti dapat diaplikasikan sebagai salah satu pendekatan dalam membentuk akhlak dan sahsiah murid.

Selain itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberikan informasi dan maklumat-maklumat terkini kepada semua pihak yang terlibat di dalam dunia pendidikan mahupun bidang-bidang yang selainnya dalam usaha meningkatkan mutu akhlak murid-murid sejajar dengan hasrat dan maksud Falsafah Pendidikan Islam itu sendiri iaitu bagi membentuk diri, mengasuh peribadi, membina kemahiran diri, dan menjadi contoh teladan dalam penghayatan cara hidup Islam berdasarkan Al-Quran dan As-Sunnah dengan meningkatkan potensi diri dari sudut spiritual, fizikal, intelek, emosi dan sosial agar menjadi manusia yang bertanggungjawab terhadap Allah, manusia dan alam persekitaran ke arah mencapai kebahagiaan di dunia dan kesejahteraan abadi di akhirat.



1.9 Batasan Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif yang dijalankan dengan batas-batas tertentu terutama sekali aspek skop kajian, peserta kajian, tempat kajian, dan generalisasi dapatan. Perincian berhubung batasan kajian ini adalah seperti berikut:

Kajian ini tertumpu kepada aspek kepercayaan GPI tentang amalan penerapan nilai akhlak dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam yang dilaksanakan, mengkaji elemen-elemen nilai akhlak yang diterapkan dan seterusnya meneroka cara amalan penerapan nilai berlaku melalui pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran. Kajian ini juga dilaksanakan bagi melihat faktor-faktor yang menghalang GPI menerapkan nilai akhlak dalam pengajaran. Selain itu, kajian ini juga melibatkan topik-topik dalam Bidang Sirah dan Tamadun Islam KSSM dan KBSM yang diajar pada waktu formal sesi akademik. Kajian ini tidak termasuk waktu kelas-kelas tambahan mahupun pengajaran pada sesi kokurikulum. Disamping itu, topik-topik tidak ditentukan lebih awal oleh pengkaji. Bahkan ia bebas dipilih oleh peserta kajian berdasarkan silibus pengajaran.

Dari sudut pemilihan peserta kajian pula, batasan diletakkan kepada saranan daripada Jurulatih Pendidikan Islam Daerah dan seterusnya pengetua sekolah. Saranan ini adalah berdasarkan kriteria pemilihan yang dinyatakan oleh pengkaji serta pengalaman guru dalam sesi pengajaran. Kebarangkalian masih terdapat GPI selain daripada yang disarankan oleh pihak terbabit, namun disebabkan faktor masa, tenaga, kewangan, persoalan kajian serta jenis kajian yang terbatas maka kajian ini tidak dapat dijalankan terhadap populasi yang lebih besar. Maka, kajian ini melibatkan 5 orang guru GPI sekolah menengah yang mengajar Sirah dan Tamadun Islam tingkatan satu hingga lima dari sekolah-sekolah menengah di sekitar Daerah Kuala Kangsar.





Batasan kepada 5 orang guru sahaja adalah bagi membolehkan pengkaji menumpukan masa sepenuhnya di lokasi kajian agar kajian yang teratur dan terperinci dapat dijalankan. Batasan ini juga kerana penyelidik akan membuat kajian yang mendalam menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pengawalan banyak faktor. Di samping itu pengkaji perlu mengambil kira kesesuaian pemilihan GPI dari segi pengalaman mengajar, kemahiran pedagogi dan penguasaan isi kandungan.

Seterusnya, kajian ini juga terbatas dari sudut generalisasi dapatan akhir. Maka, dapatan kajian adalah bertujuan untuk meneroka dan memahami kepercayaan dan amalan penerapan nilai akhlak GPI dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam serta tidak bertujuan untuk membuat generalisasi. Oleh yang demikian, bagi memindahkan dapatan kajian ini ke dalam konteks yang lain adalah menjadi tanggungjawab pembaca untuk membuat pertimbangan mengikut kesesuaiannya.



1.10 Definisi Operasional

Huraian istilah memainkan peranan penting dalam kajian agar takrifan pembaca yang mungkin berbeza dengan pengkaji dapat diselaraskan. Selain itu, ia juga membantu pembaca memahami dengan lebih jelas sesuatu kajian yang dilakukan oleh seseorang pengkaji. Berdasarkan konteks kajian ini, istilah seperti penerapan, Sirah dan Tamadun Islam, nilai-nilai akhlak, serta amalan pengajaran perlu dijelaskan agar wujud kefahaman yang mendalam.





1.10.1 Amalan

Amalan pengajaran merujuk kepada tingkah laku, tabiat dan tindakan yang biasa dilakukan oleh guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah (Mohd Majid dan Mokhtar, 2009; Nabiroh, 2013). Dalam konteks kajian ini, amalan pengajaran bermaksud suatu perbuatan atau tindakan, tabiat, pelaksanaan atau tingkah laku yang menjadi kebiasaan kepada guru-guru Pendidikan Islam (Mohd Aderi, 2008; Nabiroh, 2013).

1.10.2 Penerapan

Penerapan membawa maksud penyatuan atau percantuman. Ia juga membawa maksud mengintegrasikan, menyatukan, menggabung dan perpaduan (Kamus *Advanced English Dictionary* dalam Nabiroh (2013). Maka dalam konteks kajian ini, penerapan merujuk kepada aktiviti mengintegrasikan dan menggabungkan nilai-nilai akhlak yang terkandung di dalam Bidang Sirah dan Tamadun Islam melalui pengajaran guru di bilik darjah.

1.10.3 Nilai- nilai Akhlak

Menurut Al-Ghazali (1998), akhlak adalah keadaan dalaman insan yang melahirkan perbuatan mudah tanpa memerlukan pertimbangan fikiran. Selain itu, Al-Ghazali (1998) juga berpendapat bahawa akhlak boleh dibangunkan dengan membentuk akhlak yang baik, menyingkirkan akhlak yang buruk serta melakukan rawatan kepada masalah akhlak.

Disamping itu, ilmu Akhlak dalam Falsafah Islam dikenali sebagai *al-hikmatul –‘amaliyyah* (perbuatan yang bijaksana ataupun perbuatan yang berakhlak dan





beriman). Menurut Ibn Miskawayh, akhlak adalah keadaan dalaman diri yang mengajak manusia bertindak atau secara spontan melakukan aktiviti atau pekerjaan (Zaharah Hussin, Ahmad Arifin Sapar & Ab Halim Tamuri, 2017).

Pada sudut lain, istilah akhlak mulia dan juga nilai murni dilihat sebagai istilah yang mempunyai perkaitan dari segi makna. Istilah ini kerap kali diguna pakai oleh sarjana pendidikan dan tidak kurang juga dalam kalangan penyelidik. Ia merujuk kepada maksud yang sama iaitu suatu perlakuan yang baik dan juga luhur (Nabiroh, 2013). Hal ini dapat dijelaskan berdasarkan (Hussin, 1989) yang menyatakan bahawa nilai murni membawa makna nilai yang menitik-beratkan perlakuan baik, peradaban dan tatasusila individu dalam interaksi sesama manusia, alam dan tuhan. Ia juga tertumpu pada domain kerohanian, moral, agama dan estetika yang boleh menyumbang kepada ketenangan emosi, ketenangan pemikiran dan kesucian jiwa serta keluhuran perilaku dan akhlak (Nor Hayati Fatmi Talib, Bani Hidayat Shafie, Mohd Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria, Nabiroh Kassim & Ab. Halim Tamuri, 2010).

Bertitik tolak dari itu, akhlak dikatakan bersifat responsif kepada pendidikan, latihan, nasihat, undang-undang dan disiplin. Jika ditelusuri kepada pemahaman guru Pendidikan Islam terhadap elemen akhlak, pemahaman mereka tidak jauh berbeza dengan apa yang diutarakan oleh tokoh sarjana Islam. Elemen akhlak yang dibangunkan pada diri pelajar merujuk kepada perbuatan yang lahir daripada dalam diri pelajar dan menjadi tabiat harian mereka. (Siti Rashidah Abdul Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed, 2016)





Dalam kajian ini, akhlak merujuk kepada elemen nilai-nilai akhlak dan adab yang digabungkan dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam di sekolah menengah. Nilai-nilai akhlak tersebut merangkumi nilai akhlak peribadi dan juga nilai akhlak sosial murid.

1.10.4 Bidang Sirah dan Tamadun Islam

Pengajaran Sirah dan Tamadun Islam merupakan salah satu komponen penting dalam Pendidikan Islam yang diajar di peringkat sekolah rendah dan menengah dengan tujuan agar murid-murid dapat menjana pemikiran melalui kefahaman Sirah Nabi Muhammad s.a.w dan sejarah tokoh-tokoh dan Tamadun Islam serta mengambil iktibar daripadanya. Bidang ini telah distrukturkan semula dengan menumpukan kepada penghayatan topik-topik tertentu. Selain itu, perbincangan berkaitan tokoh juga telah diringkaskan dengan hasrat agar murid-murid dapat menumpukan banyak masa untuk menghayati pengajaran dan iktibar daripada tajuk-tajuk yang dipelajari (KPM, 2017). Justeru, melalui pengajaran bidang Sirah dan Tamadun Islam, pelajar bukan sahaja dapat menguasai fakta-fakta dan peristiwa bahkan turut dapat mengambil iktibar serta teladan yang baik ke arah pembentukan akhlak yang baik selaras dengan hasrat murni FPK itu sendiri.

Dalam kajian ini, Bidang Sirah dan Tamadun Islam merangkumi riwayat hidup Rasulullah saw, tokoh-tokoh serta Tamadun Islam yang diajar di sekolah menengah.





1.11 Kesimpulan

Kesimpulannya, beberapa elemen penting berkaitan kajian penyelidikan telah dihuraikan di dalam bab ini secara terperinci. Elemen-elemen berkaitan pengenalan kajian, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian serta huraian istilah. Bab Ini diharapkan dapat memberikan gambaran awal tentang amalan penerapan nilai akhlak di dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam.

